



## KENYATAAN AKHBAR

### KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

#### CAJ RAWATAN PESAKIT KANSER

24 OGOS 2018

---

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum terhadap isu yang dipaparkan dalam portal *The Star Online* pada 13 Ogos 2018 dan di laman Facebook media sosial pada 20 Ogos 2018 berhubung caj rawatan yang dikenakan kepada pesakit kanser di hospital kerajaan.

Kementerian ingin menjelaskan bahawa caj rawatan yang dikenakan kepada pesakit kanser warganegara Malaysia adalah berdasarkan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017, yang juga merupakan perubahan dari Perintah Fi (Perubatan) 1982. Caj bagi rawatan kanser atau onkologi yang terkandung dalam Perintah Fi (Perubatan) 1982 telah dikaji semula dan pengemaskinian seperti dalam Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 telah dikeluarkan oleh Bahagian Kewangan KKM pada bulan Februari 2017.

Caj rawatan yang telah dinyatakan dalam Perintah Fi ini merangkumi **SEMUA KOS** (caj berkaitan) iaitu caj perundingan doktor/pakar, kos penyediaan perkhidmatan kesihatan termasuk kos operasi tidak langsung seperti utiliti, kos pentadbiran, penyelenggaraan alat dan fasiliti serta kos ubat dibekalkan.

Terdapat dua perkara utama yang dibangkitkan dalam *The Star Online* dan laman media sosial iaitu **caj rawatan kelas pertama bagi pesakit rujukan swasta bagi setiap kitaran anti-neoplastik/kanser** dan **caj rawatan kelas ketiga bagi pesakit luar (rujukan kerajaan) bagi setiap kitaran anti-neoplastik/kanser**.

- i. **Caj Rawatan Kelas Pertama bagi pesakit rujukan swasta bagi setiap kitaran anti-neoplastik/kanser**

Bagi pesakit yang dirujuk oleh pengamal perubatan swasta untuk rawatan anti-neoplastik/kanser, caj yang dikenakan adalah **RM400 bagi setiap kitaran**. Ini adalah berdasarkan kepada Sub-Perkara 4.7.2 di bawah Perkara 4.7 Caj Pesakit Luar dalam Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017, yang menyatakan bahawa caj bagi sesuatu siasatan atau rawatan yang dikenakan kepada pesakit luar yang dirujuk oleh pengamal persendirian/swasta **adalah mengikut caj kelas pertama Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017**.

Dalam kes yang dilaporkan *The Star Online*, caj **RM400** bukanlah caj untuk sekotak ubat *Tamoxifen* atau ubat *Letrozole* sebagaimana yang disangkakan. Sebaliknya, ia adalah caj keseluruhan rawatan mengikut kitaran seperti keterangan di atas. Rawatan kepada pesakit tersebut merupakan rawatan berterusan di mana caj yang dikenakan adalah bagi setiap 4 minggu (merujuk kepada Garis Panduan Pengenaan Caj bagi Rawatan Anti-Neoplastik Berdasarkan Bahagian 4, Rawatan Radioterapi dan Onkologi, Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 yang dikeluarkan oleh Bahagian Kewangan, KKM bertarikh 26 Januari 2017).

ii. **Caj Rawatan Kelas Ketiga bagi pesakit luar (rujukan kerajaan) bagi setiap kitaran anti-neoplastik/kanser**

Bagi isu yang dipaparkan dalam laman media sosial *Facebook* berkaitan bayaran yang telah dikenakan untuk mendapatkan bekalan ubat *Tamoxifen* bagi 6 bulan atau 6 kali kitaran berdasarkan resit yang dipaparkan di laman *Facebook* milik Zieyla Zaleha, beliau telah dikenakan caj pesakit luar sebanyak RM300 bagi 6 kali kitaran (iaitu bayaran RM50 untuk setiap kitaran). Bayaran yang telah dikenakan ke atas pesakit ini adalah seperti yang dinyatakan pada **Bahagian 4: Rawatan Radioterapi dan Onkologi** di dalam Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 iaitu **kadar caj pesakit luar (rujukan kerajaan)** bagi rawatan radioterapi dan onkologi serta perubatan nuklear di mana ia adalah berdasarkan **caj pesakit luar iaitu sebanyak RM50 bagi setiap kali rawatan**.

KKM ingin menegaskan bahawa bayaran keseluruhan (termasuk perundingan, ubat dan kos tidak langsung) yang dikenakan kepada pesakit kanser di semua hospital Kerajaan termasuk Institut Kanser Negara (IKN) adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan kos rawatan yang seumpamanya di hospital-hospital swasta.

Di samping itu, KKM ingin menyatakan bahawa hasil yang dikutip pada tahun 2017 daripada pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital kerajaan adalah sebanyak 2.64% daripada kos yang ditanggung oleh kerajaan. Justeru itu, persepsi sesetengah pihak bahawa hospital kerajaan mengaut keuntungan dari pesakit yang menerima rawatan di hospital Kerajaan adalah tidak benar dan tidak berasas.

**Dato' Seri Dr Chen Chaw Min  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia**

**24 Ogos 2018**